



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



LKIM

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM ELAUN SARA HIDUP NELAYAN
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
2020**

Tarikh kuatkuasa : Jun 2020
Dikeluarkan oleh : Bahagian Pembangunan Masyarakat
dan Pertubuhan Nelayan
Aras 2, Wisma LKIM
Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong, Selangor

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM ELAUN SARA HIDUP NELAYAN (ESHN)

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) adalah sebagai panduan dan rujukan bagi pelaksanaan Program ESHN secara seragam di seluruh negara.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Program Elaun Sara Hidup Nelayan merupakan bantuan bulanan kepada pemilik vesel perikanan dan pekerja (awak-awak) yang layak serta didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

2.2 Pada Jun 2008, Program Elaun Sara Hidup Nelayan diperkenalkan dengan kadar RM200 setiap bulan kepada pemilik dan pekerja (awak-awak) kategori zon tangkapan A, B, C dan C2 yang layak. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2015 kadar Elaun Sara Hidup Nelayan dinaikkan kepada RM300 bagi nelayan zon A, manakala nelayan zon B, C dan C2 dinaikkan kepada RM250 sebulan.

2.3 Bagi Januari 2019, pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan telah diseragamkan dengan kadar bayaran RM200 kepada kategori penerima yang baharu iaitu pemilik vesel zon A dan pekerja (awak-awak) zon A, B, C dan C2 yang layak. Bermula tahun 2020, kadar bayaran dinaikkan kepada RM250 sebulan kepada kategori penerima yang sama.

3. OBJEKTIF

Objektif utama Program Elaun Sara Hidup Nelayan adalah bagi membantu golongan nelayan meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup.

4. KELAYAKAN PEMOHON SKIM ESHN

4.1 Kategori Pemohon:

Nelayan yang layak dipertimbangkan untuk menerima bayaran ESHN adalah terdiri daripada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a. Pemilik vesel perikanan zon A;
- b. Pemilik vesel transformasi zon A yang berstatus syarikat; dan
- c. Pekerja (awak-awak) atas vesel berlesen bagi zon A, B, C dan C2 bertaraf warganegara Malaysia.

4.2 Syarat Kelayakan Permohonan:

Syarat kelayakan untuk menerima ESHN bulanan adalah seperti berikut:

- a. Pemilik Vesel Perikanan:
 - i. Memiliki MyKad (Biru);
 - ii. Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
 - iii. Memiliki Kad Nelayan yang sah berkuatkuasa;
 - iv. Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia;

atau

memiliki lesen vesel perikanan yang sah, yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah

serta Lesen Perkakas dari Jabatan Perikanan Sabah;

- v. Status subsidi minyak yang aktif;
 - vi. Tergolong dalam kategori penerima yang layak merujuk kepada para 4(4.1).
- b. Pekerja (Awak-Awak) Vesel Perikanan:
- i. Memiliki MyKad (Biru);
 - ii. Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
 - iii. Memiliki Kad Nelayan yang sah berkuatkuasa;
 - iv. Didaftarkan sebagai pekerja vesel (awak-awak) oleh pemilik vesel individu dan syarikat;
 - v. Tergolong dalam kategori penerima yang layak merujuk kepada para 4(4.1).

4.3 Sekatan Kelayakan:

Senarai sekatan kelayakan ESHN adalah seperti berikut:

- i. Pemohon di bawah umur 18 tahun pada tarikh permohonan;
- ii. Nelayan bukan warganegara yang bekerja atas vesel perikanan;
- iii. Pemilik lesen vesel perikanan atau lesen perkakas menangkap ikan yang didaftarkan atas nama syarikat kecuali syarikat yang menyertai Program Transformasi Nelayan;

- iv. Pemilik lesen vesel zon B, C, C2 dan C3 serta semua pekerja (awak-awak) vesel C3;
- v. Pemilik vesel zon A Jerut Bilis atau ukuran berat vesel 40 GRT dan ke atas;
- vi. Pemilik vesel / pekerja (awak-awak) yang tidak aktif ke laut menangkap ikan; dan
- vii. Berstatus nelayan yang menjalankan aktiviti selain daripada penangkapan ikan seperti aktiviti *sport fishing*, penternak rumpai laut dan kerang-kerangan, nelayan sangkar dan seumpamanya.

4.4 Had Bilangan Pemilik Dan Pekerja Vesel Yang Layak Menerima ESHN:

- i. Setiap pemilik vesel perikanan yang didaftarkan atas nama individu hanya layak menerima ESHN daripada satu lesen vesel perikanan atau lesen perkakas sahaja.
- ii. Had bilangan pekerja vesel (awak-awak) yang layak dibayar ESHN bagi sesebuah vesel adalah tidak melebihi bilangan pekerja yang ditetapkan dalam lesen vesel berkenaan; dan
- iii. Sekiranya bilangan pekerja yang bekerja diatas sesebuah vesel adalah kurang daripada bilangan yang ditetapkan dalam lesen maka bayaran ESHN adalah mengikut bilangan sebenar pekerja yang bekerja.

5. PERMOHONAN BAHARU ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

5.1 Permohonan boleh dibuat melalui sistem e-Pengisytiharan LKIM modul Elaun Sara Hidup Nelayan di pejabat Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan mengemukakan dokumen berikut:

- i. Kad pengenalan bagi tujuan verifikasi;
- ii. Borang permohonan yang lengkap diisi;
- iii. Salinan MyKad pemilik vesel dan pekerja;
- iv. Salinan lesen vesel perikanan yang sah dan lesen perkakasan menangkap ikan (jika berkaitan) yang masih sah berkuatkuasa;
- v. Borang daftar pekerja vesel (awak-awak) yang disahkan oleh pemilik;
- vi. Salinan Kad Nelayan pemilik dan pekerja (awak-awak) yang masih sah berkuatkuasa;
- vii. Salinan buku akaun simpanan (Agrobank / BSN / CIMB / Maybank);
- viii. Gambar pemohon berukuran passport (terkini); dan
- ix. Lain-lain dokumen sokongan (jika berkaitan).

5.2 Pemilik bersama pekerja wajib hadir untuk mendaftarkan pekerjaanya (awak-awak) dan pendaftaran dibuat sesuai seperti yang tertera pada lesen vesel yang didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau Jabatan Laut Sabah atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah atau Jabatan Perikanan Sabah;

- 5.3 Pemilik dan pekerja vesel wajib mengesahkan identiti diri dengan menggunakan kad pengenalan dan cap jari semasa proses permohonan dalam modul FIP sistem e-Pengisytiharan LKIM.
- 5.4 Carta Aliran Proses Kelulusan Permohonan Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6. PEMBAHARUAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

- 6.1 Pemilik dan pekerja vesel wajib menghadirkan diri semasa proses pembaharuan tersebut;
- 6.2 Pemilik dan pekerja vesel wajib mengesahkan identiti diri dengan menggunakan kad pengenalan dan cap jari semasa proses pembaharuan dalam modul FIP sistem e-Pengisytiharan LKIM.
- 6.3 Pembaharuan ESHN hendaklah dilakukan **3 bulan** sebelum tamat tempoh permohonan.
- 6.4 Carta aliran proses pembaharuan ESHN secara keseluruhan adalah seperti di **Lampiran 2** manakala proses pembaharuan di dalam sistem adalah seperti di **Lampiran 3**.

7. KAEDAH PEMBAYARAN

Pembayaran ESHN kepada nelayan yang layak adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

i) Melalui Bank

Pembayaran dibuat terus ke akaun milik individu yang masih aktif selewat-lewatnya pada 15 hari bulan melalui bank-bank yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Agrobank

- b) BSN
- c) CIMB
- d) Maybank

ii) **Secara Tunai**

Pembayaran secara tunai akan dilakukan oleh LKIM Negeri melalui PNK yang terlibat berdasarkan ketetapan-ketetapan berikut:

- i. Permohonan mengadakan majlis penyerahan ESHN secara tunai hendaklah dibuat kepada LKIM Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 30 haribulan setiap bulan serta senarai penerima hendaklah mengikut Persatuan Nelayan Kawasan (PNK);
- ii. Pertimbangan bagi mengadakan majlis serahan ESHN secara tunai tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;
- iii. Peruntukan yang diberi bagi melaksanakan majlis penyerahan secara tunai adalah seperti kadar berikut:

Sewa dewan	-	RM800
Makan/minum	-	RM10/orang
Pengawal keselamatan	-	RM35 x 2 org x 10 jam
Van keselamatan	-	RM1,300/trip
Elaun penceramah	-	RM150
Makan VIP	-	RM20 x 50 orang
Lain-lain*	-	RM4.50/orang

*Nota: (Pos – RM1, Kerusi – RM1, Alatulis – RM2.50)

Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan tambahan boleh dibuat sehingga tidak melebihi kadar RM50 seorang bagi majlis-majlis melibatkan perbelanjaan yang tinggi;

- iv. Notis panggilan dan voucher pembayaran haruslah dicetak di atas kertas yang berlainan warna bagi membantu semakan penerima yang layak semasa majlis;
- v. PDA hendaklah digunakan semasa majlis penyerahan secara tunai;
- vi. Nelayan wajib hadir sendiri untuk mendaftar dan menerima ESHN tanpa mewakilkan kepada orang lain. ESHN tidak akan dibayar kepada penerima yang tidak menghadiri majlis penyerahan tersebut kecuali:
 - a) Penerima dimasukkan ke hospital atau sakit (sertakan sijil sakit);
 - b) Kematian ahli keluarga terdekat (sertakan surat mati); dan
 - c) Terlibat dalam program-program anjuran kerajaan dan program keagamaan (sertakan surat berkaitan).
- vii. Selain daripada kes-kes tersebut, kelayakan ESHN hanya akan diteruskan tanpa bayaran balik setelah PNK/LKIM negeri mengesahkan mereka masih bekerja sebagai nelayan.
- viii. Carta Aliran Proses Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan Secara Tunai adalah seperti di **Lampiran 4**.

9. KADAR BAYARAN

9.1 Kadar bayaran ESHN bulanan adalah seperti berikut:

Kategori Penerima	Kadar Bayaran
Pemilik zon A (Individu)	RM 250
Pemilik zon A (Bot Transformasi)	RM 250
Awak-awak zon A, B, C dan C2	RM 250

10. MEKANISMA PEMOTONGAN ESHN BAGI TUJUAN SKIM PERLINDUNGAN NELAYAN DAN DANA NELAYAN

- 10.1 Bayaran ESHN boleh dipotong bagi tujuan caruman Skim Perlindungan Nelayan berdasarkan lantikan syarikat / agensi yang dipersetujui tertakluk dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 10.2 Potongan bayaran ESHN boleh dilaksanakan bagi tujuan pembayaran balik pinjaman Dana Nelayan; dan
- 10.3 Mekanisme Pemotongan ESHN bagi tujuan pembayaran semula Dana Nelayan dan Skim Perlindungan Nelayan adalah seperti di **Lampiran 5**.

11. PENALTI YANG DIKENAKAN

- 11.1 Pemilik vesel perikanan yang berdaftar dengan LKIM di bawah Skim ESHN jika gagal melaporkan kepada LKIM dalam tempoh **satu bulan** akan mana-mana pekerja vesel (awak-awak) yang meninggal dunia, hilang keupayaan bekerja, berhenti bekerja dengan vesel berkenaan atau berpindah kerja ke vesel perikanan yang lain boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- i. Membayar balik jumlah bayaran yang telah dibayar oleh LKIM ke atas mana-mana pekerja yang didaftar dibawah vesel berkenaan;
 - ii. Tahanan kelayakan Elaun Sara Hidup mengikut tempoh berikut:
 - a) Kesalahan pertama - 6 bulan
 - b) Kesalahan kedua - 12 bulan
 - c) Kesalahan ketiga - Disenarai hitam
 - iii. Laporan Polis dan tindakan undang-undang akan dibuat sekiranya pemilik gagal membayar semula jumlah bayaran yang telah diberikan sebelumnya.
- 11.2 Bagi mana-mana nelayan yang telah disabit kesalahan daripada agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau mana-mana agensi penguatkuasaan Malaysia, Elaun Sara Hidup Nelayan akan digantung selama tempoh berikut:
- a) Kesalahan pertama - 6 bulan
 - b) Kesalahan kedua - 12 bulan
 - c) Kesalahan ketiga - Disenarai hitam
- 11.3 Nelayan yang dikenakan penalti perlu mengemukakan surat rayuan untuk dipertimbangkan selepas tamat tempoh penggantungan.

12. PERINGKAT PELAKSANAAN

- 12.1 Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan dibahagikan kepada dua peringkat:
- i. LKIM Ibu Pejabat; dan
 - ii. LKIM Negeri

12.2 Tugas Dan Tanggungjawab

- i. Tugas dan tanggungjawab peringkat LKIM Ibu Pejabat adalah seperti berikut:
 - a) Menentukan dasar dan sumber kewangan bagi melaksanakan Program ESHN;
 - b) Mengesan kemajuan prestasi bayaran ESHN;
 - c) Melaporkan kemajuan tahunan program kepada pengurusan tertinggi LKIM;
 - d) Menjalankan Program Pemutihan sepanjang masa;
 - e) Meluluskan permohonan baharu tertakluk kepada semakan dan perakuan permohonan daripada LKIM Negeri;
 - f) Membuat bayaran tunggakan bagi kes-kes:
 - i. Pembaharuan ESHN yang tidak mengikut aturan sebenar menyebabkan nelayan tiada kelayakan pada tempoh tertentu. Aturan sebenar adalah nelayan perlu memperbaharui subsidi minyak terlebih dahulu sebelum memperbaharui ESHN; dan
 - ii. Pembaharuan tidak dapat dibuat atas sebab-sebab teknikal seperti masalah talian internet, kesilapan sistem, bekalan elektrik dan halangan-halangan munasabah yang lain.

- ii. Tugas dan tanggungjawab peringkat LKIM Negeri adalah seperti berikut:
 - a) Mempertimbang dan memperakukan permohonan Elaun Sara Hidup oleh nelayan yang telah dikemukakan melalui PNK;
 - b) Mengawalselia pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan;
 - c) Menyelaraskan pelaksanaan Majlis Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan secara tunai;
 - d) Menyelaras dan membantu menyelesaikan permasalahan yang berbangkit di bawah Program Elaun Sara Hidup Nelayan;
 - e) Menjalankan Program Pemutihan sepanjang masa dan membuat penahanan serta pelepasan senarai penerima ESHN. Langkah-langkah penahanan, pengaktifan dan pembatalan ESHN adalah seperti di **Lampiran 6**.

13. MEKANISMA PEMUTIHAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

Kaedah-kaedah yang digunapakai bagi melaksanakan proses pemutihan ESHN adalah seperti berikut:

- i. Bagi penerima yang telah melakukan kesalahan jenayah, pembayaran elaun ke atasnya akan diberhentikan berkuatkuasa serta merta;
- ii. Pemilik vesel yang dikenakan tahanan minyak (penangguhan, senarai hitam, tamat tempoh) akan ditahan pembayaran ESHN;
- iii. Nelayan uzur dan mempunyai masalah kesihatan yang tidak turun ke laut menangkap ikan;

- iv. LKIM berhak untuk tidak membayar ESHN kepada nelayan yang diragui semasa pemberian ESHN secara tunai;
- v. Tempoh kelayakan ESHN bagi pemilik / pekerja (awak-awak) yang tidak diperbaharui dalam tempoh 6 bulan pertama dari tarikh tamat boleh disenarai hitamkan dan seterusnya jika tidak diperbaharui dalam tempoh 6 bulan yang kedua, permohonan boleh dibatalkan;
- vi. Pemilik vesel dan pekerja (awak-awak) yang tidak ke laut menangkap ikan;
- vii. Mempunyai caruman akaun KWSP yang aktif; dan
- viii. Apa-apa juga kaedah mengikut pertimbangan yang sewajarnya oleh Pengarah LKIM Negeri/Pegawai Wilayah.

14. KAEDAH / PROSES RAYUAN PELEPASAN TAHANAN

- 14.1 Nelayan yang tidak menerima ESHN boleh mengemukakan rayuan secara bertulis atau melalui siasatan oleh Urusetia Negeri bagi semakan dan pertimbangan semula kelayakan dan status permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 14.2 Rayuan pelepasan tahanan tertakluk kepada pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce peringkat Negeri / Ibu Pejabat LKIM.

15. SENARAI BORANG YANG DIGUNAPAKAI DALAM PELAKSANAAN ESHN

- i. **Borang Permohonan Elaun Sara Hidup Nelayan:**
Borang permohonan ESHN (baharu / diperbaharui) bagi pemilik dan pekerja (awak-awak)

16. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) ini, maka Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang terdahulu (Mei 2018) adalah dibatalkan.

17. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan ini adalah pada Jun 2020 dan ia menjadi panduan untuk melaksanakan program ESHN secara seragam di seluruh negara.


18. ALAMAT PENTING

Pengarah
Bahagian Pembangunan Masyarakat
dan Pertubuhan Nelayan
Aras 2, Wisma LKIM
Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong, Selangor

No. Tel. Pejabat: 03-8064 9000


Lampiran 1

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN BAHARU ELAUN SARA HIDUP NELAYAN




Lampiran 2

CARTA ALIRAN PROSES PEMBAHARUAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN




CARTA ALIRAN PROSES PEMBAHARUAN DI DALAM SISTEM




Gambarajah 1


CARTA ALIRAN PROSES BAYARAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN SECARA TUNAI




01 - PROSES PENGELUARAN WANG TUNAI SEBELUM PEMBAYARAN




02 - PROSES PEMBAYARAN TUNAI ESH DI HARI PEMBAYARAN




03 - PROSES PENDAFTARAN PENERIMA ESH DI HARI PEMBAYARAN



04 - PROSES PELARASAN SELEPAS PEMBAYARAN ESH TUNAI



05 – PROSES PEMBETULAN PENERIMA BERMASALAH



MEKANISME PEMOTONGAN ESHN BAGI BAYARAN BALIK DANA DAN BAYARAN SKIM PERLINDUNGAN NELAYAN

Tindakan	Pelaksanaan Proses Kerja Sistem ESHN, Sistem Dana Nelayan & Sistem Insuran
Persatuan Nelayan Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • PNK menghantar nama-nama peminjam dana tegar ke Seksyen Dana Nelayan untuk pemotongan ESHN bagi membayar balik pinjaman dana nelayan
Sistem e-Dana dan e-Pengisytiharan	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai nama untuk pemotongan ESHN – Dana Nelayan dihantar ke Unit ESHN untuk semakan kelayakan dan proses pemotongan.
Ibu Pejabat LKIM	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem ESHN memproses kelayakan • Blok PNK tunai • Menyediakan senarai bayaran ESHN
Ibu Pejabat LKIM	<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan dan kelulusan senarai bayaran ESHN • Pemotongan Skim Perlindungan Nelayan • Pemotongan ESHN – Dana Nelayan • Janaan 'bank file' untuk diserahkan kepada bank • Penghantaran senarai nelayan untuk caruman Skim Perlindungan Nelayan
Bahagian Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penghantaran 'bank file' kepada bank-bank • Bayaran ESHN melalui bank
Ibu Pejabat LKIM	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan pemotongan ESHN – Dana Nelayan • Arahan bayaran untuk bayaran balik dana nelayan oleh Bhg. PMN
Bahagian Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Nota Kredit kepada PNK oleh Bahagian Kewangan dan Akaun

Catatan: Kegagalan mengikuti mekanisme ini akan menjejaskan pelaksanaan pemotongan bayaran balik Dana Nelayan dan bayaran Skim Perlindungan Nelayan serta kecelaruan dalam sistem FIP (pengurusan ESHN).

LANGKAH-LANGKAH PENAHANAN DAN PENGAKTIFAN SEMULA ESHN DI DALAM SISTEM

1. Langkah-langkah membuat penahanan ESHN:

- a) Laman FIP -> ESH -> Senarai Rujukan Tahanan
- b) Klik Tambah (tanpa memasukkan apa2 maklumat)
- c) Masukkan no Kad Pengenalan dan klik Cari
- d) Masukkan komen penahanan dan klik Simpan.

2. Langkah-langkah membuat pembatalan ESHN:

- a) Laman FIP -> Permohonan -> Permohonan
- b) Masukkan no KP dan klik Cari
- c) Pilih item berkenaan
- d) Masukkan ulasan/komen pembatalan dan klik Dibatalkan.

3. Langkah-langkah membuat pengaktifan/pelepasan semula ESHN:

- a) Laman FIP -> ESH -> Senarai Tahanan Sara Hidup
- b) Pilih samada ingin memasukkan no KP pemilik atau awak2, nama atau no. Vesel.
- c) Masukkan butiran.
- d) Pilih bulan kelayakan utk diaktifkan/dilepaskan dan klik Cari.
- e) Tandakan pada ruang sebelah kiri bulan kelayakan nelayan tersebut.
- f) Klik Melepaskan
- g) Masukkan komen/alasan pengaktifan/pelepasan dan klik Simpan.
- h) Ulang proses utk pengaktifan/pelepasan bulan-bulan yg lain.